



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
KELULUSAN TEKNIKAL DAN  
PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI  
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

## MAKLUMAT DOKUMEN

---

<b>Tajuk</b>	: <b>Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)</b> <b>Kerajaan Negeri Selangor</b>
<b>Versi</b>	: 1.0
<b>Tarikh Kuat Kuasa</b>	: <b>03 Mac 2017</b>
<b>Pemilik</b>	: Bahagian Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Kerajaan Negeri Selangor

---

## REKOD PINDAAN DOKUMEN

TARIKH	VERSI	KETERANGAN PINDAAN
	1.0	-

## KANDUNGAN

<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	iii
<b>GLOSARI</b> .....	iv
<b>1. TUJUAN</b> .....	1
<b>2. STRUKTUR TADBIR URUS KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT KERAJAAN NEGERI SELANGOR</b> ..	2
<b>3. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) PEJABAT SUK SELANGOR.</b> .....	3
<b>4. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) PEJABAT SUK SELANGOR.</b> .....	6
<b>5. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT</b> .....	7
<b>6. PEMAKAIAN</b> .....	9
<b>7. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN TEKNIKAL</b> .....	9
<b>8. PENUTUP</b> .....	9

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara	Muka Surat
Lampiran A	Struktur Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Agensi Sektor Awam	10
Lampiran B	Format Kertas Cadangan Dan Slaid Pembentangan	11
Lampiran C	Ringkasan Had Nilai Projek ICT	18
Lampiran D	Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT	21

## GLOSARI

---

<b>BTM</b>	Bahagian Teknologi Maklumat
<b>ICT</b>	<i>Information and Communication Technology</i> (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
<b>PSTM</b>	Pelan Strategik Teknologi Maklumat
<b>JTICT</b>	Jawatankuasa Teknikal ICT
<b>JPICT</b>	Jawatankuasa Pemandu ICT
<b>MAMPU</b>	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
<b>SUK</b>	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

---

## 1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan menjelaskan kepada Bahagian/Cawangan/Unit dan agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor berkenaan permohonan kelulusan teknikal projek ICT daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) yang berurus setia di Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat Setiausaha Selangor serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT di Kerajaan Negeri Selangor.
- 1.2. Garis panduan ini diwujudkan dengan merujuk kepada jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan juga peraturan sedia ada yang masih berkuat kuasa. Antaranya ialah:
  - 1.2.1. Struktur tadbir urus JITIK telah diperkukuhkan seperti di dalam **Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006** bertajuk **“Penguksuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan”**. Pekeliling ini juga telah menetapkan agensi di semua peringkat pentadbiran perlu merujuk dan mendapatkan kelulusan teknikal bagi perolehan ICT daripada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) yang diurus setia oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
  - 1.2.2. **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015** bertajuk **“Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam”** yang berkuat

kuasa mulai 11 November 2015 telah menggariskan tadbir urus kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT sektor awam serta skop dan nilai kelulusan yang memerlukan kelulusan teknikal di peringkat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) yang diurus setia oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

- 1.2.3. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015** bertajuk **“Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam”**

## **2. STRUKTUR TADBIR URUS KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

- 2.1. Struktur tadbir urus kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran A** yang meliputi jawatankuasa seperti berikut:
  - 2.1.1. Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT).
  - 2.1.2. Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT).

### **3. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) PEJABAT SUK SELANGOR.**

3.1. Keahlian JPICT Pejabat SUK Selangor adalah seperti berikut:

**Pengerusi:** Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
(Pengurusan)

**Ahli-ahli:**

- (a) Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- (b) Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat)
- (c) Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
- (d) Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)
- (e) Setiausaha Bahagian (Korporat)
- (f) Ketua Audit Dalam
- (g) Timbalan Pengarah Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN
- (h) Timbalan Pengarah Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN
- (i) Penolong Pengarah IT, Jabatan Agama Islam Selangor
- (j) Ketua Penolong Setiausaha (Kewangan), Bahagian Khidmat Pengurusan
- (k) Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO), Pejabat SUK Selangor
- (l) Ketua Penolong Pengarah IT, Pejabat Tanah dan Galian Selangor



- (m) Pengarah IT, Majlis Bandaraya Shah Alam
- (n) Pengarah IT, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- (o) Pengarah IT, Majlis Perbandaran Subang Jaya
- (p) Pengarah IT, Majlis Perbandaran Selayang
- (q) Pengarah IT, Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- (r) Ketua Penolong Setiausaha, BTM
- (s) PSU Kanan BTM
- (t) Ketua-Ketua Unit BTM

**Urus setia:**

Unit Kualiti, Bahagian Teknologi Maklumat.

- 3.2. Terma rujukan JPICT Pejabat SUK Selangor adalah seperti berikut:
  - 3.2.1. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan Projek-Projek ICT Kerajaan Negeri Selangor;
  - 3.2.2. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT Kerajaan Negeri Selangor;
  - 3.2.3. Merancang dan menyelaras pembangunan program/projek ICT Kerajaan Negeri Selangor supaya selaras dengan Pelan Strategik Organisasi dan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Kerajaan Negeri Selangor;
  - 3.2.4. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT antara semua agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor;

- 3.2.5. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
- 3.2.6. Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi Kerajaan Negeri Selangor, serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;
- 3.2.7. Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT bagi Pejabat SUK dan agensi Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;

#### **4. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) PEJABAT SUK SELANGOR.**

4.1. Keahlian JTICT Pejabat SUK Selangor adalah seperti berikut:

**Pengerusi:** Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat)

**Ahli-ahli:**

- (a) Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO), Pejabat SUK Selangor
- (b) Ketua Penolong Setiausaha BTM
- (c) Ketua Penolong Pengarah IT, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)
- (d) Penolong Pengarah IT, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- (e) Pengarah IT, Majlis Bandaraya Shah Alam
- (f) Pengarah IT, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- (g) Pengarah IT, Majlis Perbandaran Subang Jaya
- (h) Pengarah IT, Majlis Perbandaran Selayang
- (i) Pengarah IT, Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- (j) Penolong Pegawai Kewangan Negeri (IT), Perbendaharaan Negeri Selangor
- (k) PSU Kanan BTM
- (l) Ketua-Ketua Unit BTM

**Urus Setia:**

Unit Kualiti, Bahagian Teknologi Maklumat

4.2. Bidang rujukan JTICT Pejabat SUK Selangor adalah seperti berikut:

- 4.2.1. Memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT Kerajaan Negeri Selangor dan agensi Negeri di bawahnya;
- 4.2.2. Mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT kepada JPICT Pejabat SUK Selangor;
- 4.2.3. Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT agensi yang diluluskan oleh JPICT Pejabat SUK Selangor dan melaporkan kepada JPICT Pejabat SUK Selangor;
- 4.2.4. Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor serta mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada JPICT Pejabat SUK Selangor; dan
- 4.2.5. Menyediakan laporan kepada JPICT Pejabat SUK Selangor mengikut keperluan.
- 4.2.6. Meneroka teknologi baru dan terkini dalam memastikan arus pembangunan Projek-Projek ICT Kerajaan Negeri Selangor seiring dengan keperluan teknologi semasa.

## **5. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT**

5.1 Tatacara Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT adalah seperti berikut:

- 5.1.1. Semua permohonan perolehan projek ICT daripada agensi Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mendapatkan kelulusan JPICT agensi dan peruntukan di peringkat

agensi sebelum dikemukakan kepada urusetia JTICT Pejabat SUK Selangor.

- 5.1.2. Setiap permohonan perolehan projek ICT hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti kajian yang telah dilaksanakan, laporan pengurusan nilai, laporan penggunaan, maklumat spesifikasi perkakasan/perisian dan seumpamanya bagi menyokong permohonan.
- 5.1.3. Format kertas cadangan dan slaid pembentangan adalah seperti di Lampiran **B-1** dan Lampiran **B-2**.
- 5.1.4. Had Nilai dan peringkat kelulusan teknikal projek ICT adalah seperti di **Lampiran C-1** dan **Lampiran C-2**.
- 5.1.5. Carta alir permohonan kelulusan teknikal projek ICT adalah seperti di **Lampiran D-1** dan **Lampiran D-2**.
- 5.1.6. Sebelum perolehan projek ICT dilaksanakan di peringkat Pejabat SUK Selangor atau agensi di bawahnya, semua projek ICT mesti mendapatkan kelulusan teknikal terlebih dahulu berdasarkan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan memberi implikasi kepada proses pembayaran dan penyenggaraan.

## 6. PEMAKAIAN

6.1 Garis Panduan ini terpakai kepada Pejabat SUK dan agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor bagi semua projek ICT yang dibiayai oleh :

- a) Peruntukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor
- b) Projek ICT yang dilaksanakan melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiative – PFI)
- c) Projek ICT yang dilaksanakan melalui kaedah Inisiatif Kerjasama Awam-Swasta (Public Private Partnership - PPP)
- d) Projek ICT di bawah inisiatif #SmartSelangor

6.2 Bagi projek ICT yang dibiayai selain di para 6.1 perlu mematuhi Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015.


## 7. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN TEKNIKAL

7.1. Tempoh sah laku kelulusan teknikal perolehan ICT yang dikeluarkan oleh **JPICT Pejabat SUK Selangor adalah dua (2) tahun daripada tarikh sijil kelulusan.**

## 8. PENUTUP

8.1. Semua bahagian/cawangan/unit dan agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mematuhi Garis Panduan ini dalam memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

## Struktur Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Kerajaan Negeri Selangor



Rajah 1: Struktur Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Kerajaan Negeri Selangor

**Format Kertas Cadangan**

<b>Font – Arial Size - 14</b>
-----------------------------------

**CONTOH**

**PERMOHONAN KELULUSAN  
JAWATANKUASA PEMANDU PROJEK ICT (JPICT)**

Mengemukakan Kertas Cadangan

PEROLEHAN PERALATAN ICT – KOMPUTER DESKTOP DAN  
PENCETAK

Oleh

XXXXXXXXXX



## **1.0 TUJUAN**

Kertas cadangan ini bertujuan memohon pertimbangan untuk mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pemandu Projek ICT Kerajaan Negeri Selangor mengenai cadangan perolehan peralatan ICT iaitu **XXXXXXXX**

## **2.0 LATAR BELAKANG**

XXXXX

## **3.0 OBJEKTIF**

**3.1 XXXXX**

**3.2 XXXXX**

## **4.0 JUSTIFIKASI PEROLEHAN**

**4.1 XXXXX**

**4.2 XXXXX**

## 5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Unit</b>	<b>Kos Seunit (RM)</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				

Anggaran kos bagi ..... adalah berjumlah...RM.... dan akan menggunakan bajet P01/B01 dan sila rujuk LAMPIRAN A untuk spesifikasi teknikal dan kos terperinci.

## 6.0 SYOR

Kertas cadangan ini dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Selangor untuk pertimbangan dan kelulusan.

## 7.0 PERAKUAN

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Selangor adalah dipohon menimbang perakuan syor di **para 6.0** seperti di atas.

## 8.0 MAKLUMAT PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI.

Nama Pegawai Penyelaras :

Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat

Gred Jawatan : F41

No. Telefon :

No. Fax :

Email :

## KEPUTUSAN

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Selangor dengan ini meluluskan / tidak meluluskan cadangan perolehan peralatan ICT iaitu **XXXXXX** bagi XXXXXXXX.

---

( )

Tarikh :

**Speksifikasi Teknikal Peralatan ICT.**

<b>Bil.</b>	<b>Spesifikasi Teknikal (Minima)</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga Seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
		<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		

## Format Slaid Pembentangan

1. Tajuk Kertas Cadangan dan Nama Jabatan
2. Latar Belakang
3. Objektif
4. Justifikasi
5. Implikasi Kewangan

## Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT Bagi Agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor


BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN	
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK (RM) JUTA (J) RIBU (K)	JPICT AGENSI	JPICT SUK
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	✓	-
			≥ 50K	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), data/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-
			≥ 500K	✓	✓
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	≥ 50K hingga < 1J	✓	✓
			≥ 1J	✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-
			≥ 500K hingga < 5J	✓	✓
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-
			≥ 500K hingga < 5J	✓	✓
			≥ 5J	✓	✓
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J	✓	✓
			≥ 1J	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-
			≥ 500K hingga < 5J	✓	✓
		≥ 5J	✓	✓	

## Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT Bagi Pejabat SUK Selangor

BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN			
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK (RM) JUTA (J) RIBU (K)	Pegawai Pengawal	TSUK (Pemb)	PWN	JPICT SUK
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	✓	✓		✓
			≥ 50K hingga < 1J		✓		✓
			≥ 1J		✓		✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), data/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓		≥ 250K ✓	✓
			≥ 500K hingga < 5J	-		✓	✓
	≥ 5J			✓	✓		
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	✓	Kelulusan Mengikut Sumber Kewangan Mengurus/ Pembangunan		✓
			≥ 50K hingga < 1J			≥ 250K ✓	✓
			≥ 1J			✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K			≥ 250K ✓	✓
			≥ 500K hingga < 5J			✓	✓
	≥ 5J		✓	✓			
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K		✓	≥ 250K ✓	✓
			≥ 500K hingga < 5J		✓	✓	✓
			≥ 5J		✓	✓	✓
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J		✓	≥ 250K ✓	✓
			≥ 1J		✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K		✓	≥ 250K ✓	✓
			≥ 500K hingga < 5J	✓	✓	✓	
	≥ 5J	✓	✓	✓			




### Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT (Kelulusan Di Peringkat JTICT Pejabat SUK Selangor)



Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT  
(Kelulusan Di Peringkat JTICT Pejabat SUK Selangor)

**Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT  
JPICT PEJABAT SUK SELANGOR**



Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT  
(Kelulusan Di Peringkat JPICT Pejabat SUK Selangor)